




7.3

**GRADUAN
ORANG ASLI 2017 :
KELUARAN DAN
MAKLUMAT
PEKERJAAN**

GRADUAN ORANG ASLI 2017: KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN

Rajah 7.3.1: Graduan Orang Asli 2017 mengikut jenis IPT



Graduan Orang Asli 2017 Mengikut Jenis IPT

- Seramai 229 graduan berketurunan Orang Asli telah dikeluarkan oleh IPT negara pada tahun 2017. Daripada jumlah itu, keluaran UA adalah terbesar iaitu seramai 140 orang, diikuti IPTS (35 orang), politeknik (29 orang) dan IPT lain seorang.
- Graduan perempuan melebihi lelaki bagi semua IPT dan secara keseluruhan graduan perempuan mewakili 73.8 peratus.


Rajah 7.3.2: Graduan Orang Asli 2017 mengikut peringkat dan bidang pengajian utama

| Bidang Pengajian Utama | Sarjana (N = 14) | Ijazah pertama (N = 59) | Diploma (N = 128) | Sijil (N = 28) | Keseluruhan (N = 229) |
|---------------------------------|------------------|-------------------------|-------------------|----------------|-----------------------|
| | % | | | | |
| Sastera & sains sosial | 42.9 | 55.9 | 35.9 | 21.4 | 39.7 |
| Sains | 7.1 | 16.9 | 16.4 | 10.7 | 15.3 |
| Teknik | 28.6 | 6.8 | 13.3 | 28.6 | 14.4 |
| Teknologi maklumat & komunikasi | - | 10.2 | 17.2 | 35.7 | 16.6 |
| Pendidikan | 21.4 | 10.2 | 17.2 | 3.6 | 14.0 |
| Jumlah | 100 | 100 | 100 | 100 | 100 |

Graduan Orang Asli 2017 Mengikut Peringkat dan Bidang Pengajian Utama

- Kumpulan terbesar graduan Orang Asli adalah di peringkat diploma (128 orang), diikuti peringkat ijazah pertama seramai 59 orang, sijil (28 orang) dan peringkat sarjana seramai 14 orang.
- Bidang sastera dan sains sosial menunjukkan peratus tertinggi keluaran Orang Asli bagi semua peringkat pengajian, kecuali bagi peringkat sijil, peratus terbesar adalah dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (35.7 peratus).

Rajah 7.3.3a: Status pekerjaan graduan Orang Asli, 2017



Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2017

- Sebanyak 45.7 peratus graduan berketurunan Orang Asli 2017 berada dalam kategori bekerja. Manakala 22.4 peratus melanjutkan pengajian, 5.7 peratus menunggu penempatan pekerjaan dan 1.9 peratus meningkatkan kemahiran.
- Selebihnya, iaitu 24.3 peratus lagi masih belum bekerja.

Rajah 7.3.3b: Status pekerjaan graduan Orang Asli 2017 mengikut peringkat pengajian

| Status pekerjaan | Sarjana (n = 13) | Ijazah pertama (n = 57) | Diploma (n = 117) | Sijil (n = 23) |
|-------------------------------|---------------------|----------------------------|----------------------|-------------------|
| | % | | | |
| Bekerja | 76.9 | 54.4 | 33.3 | 69.6 |
| Melanjutkan pengajian | - | - | 35.0 | 26.1 |
| Meningkatkan kemahiran | - | 3.5 | 1.7 | - |
| Menunggu penempatan pekerjaan | 7.7 | 12.3 | 3.4 | - |
| Belum bekerja | 15.4 | 29.8 | 26.5 | 4.3 |
| Jumlah | 100 | 100 | 100 | 100 |

Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2017 Mengikut Peringkat Pengajian


- Peratus tertinggi graduan Orang Asli yang bekerja adalah di peringkat sarjana, iaitu 76.9 peratus, diikuti peringkat sijil (69.6 peratus), peringkat ijazah pertama (54.4 peratus) dan peringkat diploma sebanyak 33.3 peratus.
- Graduan Orang Asli peringkat ijazah pertama mencatat peratus tertinggi yang belum bekerja, iaitu 29.8 peratus, diikuti peringkat diploma (26.5 peratus) dan peringkat sarjana sebanyak 15.4 peratus.
- Graduan Orang Asli peringkat diploma mencatat 35.0 peratus tertinggi dalam kategori melanjutkan pengajian.

Rajah 7.3.3c: Status pekerjaan graduan Orang Asli 2017 mengikut bidang pengajian utama

| Status Pekerjaan | Sastera & sains sosial (n = 85) | Sains (n = 30) | Teknik (n = 30) | Teknologi maklumat & komunikasi (n = 36) | Pendidikan (n = 29) |
|-------------------------------|------------------------------------|-------------------|--------------------|---|------------------------|
| | % | | | | |
| Bekerja | 49.4 | 26.7 | 63.3 | 38.9 | 44.8 |
| Melanjutkan pengajian | 15.3 | 36.7 | 26.7 | 30.6 | 13.8 |
| Meningkatkan kemahiran | 1.2 | - | 3.3 | 5.6 | - |
| Menunggu penempatan pekerjaan | 3.5 | 13.3 | - | 5.6 | 10.3 |
| Belum bekerja | 30.6 | 23.3 | 6.7 | 19.4 | 31.0 |
| Jumlah | 100 | 100 | 100 | 100 | 100 |

Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2017 Mengikut Bidang Pengajian Utama

- Peratus tertinggi dalam kategori bekerja ialah graduan Orang Asli dalam bidang teknik, iaitu sebanyak 63.3 peratus.
- Graduan Orang Asli dalam bidang pendidikan mencatat peratus tertinggi bagi kategori belum bekerja, iaitu 31.0 peratus.
- Manakala graduan Orang Asli dalam bidang sains menunjukkan peratus tertinggi dalam kategori melanjutkan pengajian, iaitu sebanyak 36.7 peratus.

Rajah 7.3.4: Sektor pekerjaan graduan Orang Asli 2017

Sektor Pekerjaan Graduan Orang Asli 2017

- Sektor swasta tempatan membekalkan sebanyak 48.8 peratus pekerjaan kepada graduan Orang Asli 2017 yang bekerja, diikuti sektor kerajaan sebanyak 20.2 peratus dan swasta multinasional sebanyak 9.5 peratus. Terdapat sebanyak 8.3 peratus yang menceburi sektor perusahaan sendiri.

Rajah 7.3.5: Pendapatan bulanan graduan Orang Asli 2017 mengikut peringkat pengajian

| Pendapatan bulanan | Sarjana (n = 10) | Ijazah pertama (n = 31) | Diploma (n = 39) | Sijil (n = 16) | Keseluruhan (n = 96) |
|---------------------|---------------------|----------------------------|---------------------|-------------------|-------------------------|
| | % | | | | |
| RM1000 dan ke bawah | 10.0 | 25.9 | 43.6 | 50.0 | 35.4 |
| RM1001 - RM2000 | 10.0 | 42.0 | 43.6 | 43.8 | 39.6 |
| RM2001 - RM3000 | 20.0 | 22.6 | 10.3 | 6.3 | 14.6 |
| RM3001 - RM5000 | 50.0 | 9.7 | 2.6 | - | 9.4 |
| RM5001 dan ke atas | 10.0 | - | - | - | 1.0 |
| Jumlah | 100 | 100 | 100 | 100 | 100 |

Pendapatan Bulanan Graduan Orang Asli 2017 Mengikut Peringkat Pengajian

- Secara keseluruhan, peratus terbesar graduan Orang Asli 2017 berada dalam selang pendapatan bulanan RM1001 – RM2000 (39.6 peratus), diikuti kumpulan pendapatan RM1000 dan ke bawah, iaitu sebanyak 35.4 peratus.
- Bagi graduan ijazah pertama, sijil dan diploma sebahagian besar berada dalam selang pendapatan bulanan RM1001 – RM2000.

Rajah 7.3.6a: Jenis pekerjaan graduan Orang Asli 2017

| Jawatan | Bil. |
|----------------------|------|
| (n = 96) | |
| Jurujual | 11 |
| Kerani | 9 |
| Guru | 8 |
| Juruwang | 6 |
| Pembantu Guru | 5 |
| Jurutera | 5 |
| Juruteknik | 4 |
| Operator Pengeluaran | 4 |
| Pembantu Rumah | 4 |
| Pengurus | 3 |
| Inspektor | 2 |
| Perancang Bandar | 2 |
| Eksekutif | 2 |
| Pegawai Imigresen | 2 |
| Lain-lain | 24 |

Jenis Pekerjaan Graduan Orang Asli 2017

- Secara keseluruhannya, tiga jenis pekerjaan utama bagi graduan berketurunan Orang Asli 2017 ialah jurujual, kerani dan guru.


Rajah 7.3.6b: Majikan graduan Orang Asli 2017

| Majikan | Bil. |
|-------------------|------|
| (n = 62) | |
| Pasaraya | 6 |
| Hotel | 3 |
| KPM | 3 |
| DIGI Planners | 2 |
| Jabatan Imigresen | 2 |
| PDRM | 2 |
| KEMAS | 2 |
| Lain-lain | 69 |

Majikan Graduan Orang Asli 2017

- Majikan utama bagi graduan Orang Asli 2017 adalah pasaraya, diikuti hotel dan KPM.

Rajah 7.3.7: Sebab belum bekerja graduan Orang Asli 2017



Sebab belum bekerja graduan Orang Asli 2017

- Majoriti, iaitu 64.7 peratus graduan Orang Asli yang belum bekerja menyatakan mereka sedang mencari pekerjaan. Sebanyak 9.8 peratus menyatakan tanggungjawab terhadap keluarga, 7.8 peratus menunggu penempatan melanjutkan pengajian dan ingin berehat (7.8 peratus). Terdapat juga 3.9 peratus yang memilih untuk tidak bekerja dan 2.0 peratus tidak berminat untuk bekerja.